



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)  
[www.ijepc.com](http://www.ijepc.com)



## PROFESIONALISME DAN PENGARUHNYA TERHADAP KUALITI PENGAJARAN GURU BAHASA MELAYU TAHAP SATU LUAR BANDAR

*PROFESSIONALISM AND ITS INFLUENCE ON QUALITY TEACHING AMONG  
MALAY LANGUAGE TEACHER IN RURAL AREA*

Latipah Satangah @ Latifah Salim<sup>1</sup>, Mohd Khairuddin Abdullah<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Universiti Malaysia Sabah  
Email: latipah\_mala@ymail.com  
<sup>2</sup> Universiti Malaysia Sabah  
\* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 05.07.2020

Revised date: 01.09.2020

Accepted date: 08.12.2020

Published date: 13.12.2020

#### To cite this document:

Salim, L., & Abdullah, M. K. (2020). Profesionalisme dan Pengaruhnya Terhadap Kualiti Pengajaran Guru Bahasa Melayu Tahap Satu Luar Bandar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 5 (37), 318-330.

DOI: 10.35631/IJEPC.5370026.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#).



### Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap profesionalisme dan pengaruhnya terhadap kualiti pengajaran guru dalam kalangan guru Bahasa Melayu tahap satu di keempat-empat PPD luar bandar Sabah iaitu PPD Tambunan, Keningau, Tenom dan Nabawan/Pensiangan. Menggunakan pendekatan kuantitatif kaedah tinjauan melalui edaran soal selidik bagi mengutip data ke atas 217 sampel. Instrumen yang terlibat dalam kajian ialah Profesionalisme Guru dan Kualiti Pengajaran Guru (PABest). Alat statistik SPSS deskriptif (min dan sisihan piawai) serta inferensi digunakan untuk menjawab persoalan kajian. Dapatkan menunjukkan aspek profesionalisme mencatatkan nilai skor min dan sisihan piawai 4.00 ( $sp = .296$ ) dan Kualiti Pengajaran Guru, 4.15 ( $sp = .322$ ), iaitu kedua-dua pada aras yang tinggi. Terdapat hubungan signifikan pada aras yang kuat antara profesionalisme ( $r = .561^{**}$ ,  $p = 0.00 < 0.05$ ) dengan kualiti pengajaran guru. Seterusnya analisis regresi menunjukkan profesionalisme secara signifikan telah menjelaskan sebanyak 42.7% (.427) daripada varians dalam kualiti guru. Justeru itu, kajian ini menyimpulkan bahawa aspek profesionalisme guru merupakan salah satu indikator penting dalam memacu keberkesanan penyampaian ilmu pengetahuan seterusnya menyumbang terhadap kualiti pengajaran guru. Oleh itu kajian ini mencadangkan agar aspek profesionalisme dijadikan antara elemen keutamaan dalam merancang rangka kerja pendidikan di negara ini agar kualiti pengajaran guru dapat dibudayakan dan ditingkatkan bagi memastikan kemenjadian dalam bidang akademik dan bukan akademik anak

didik di sekolah dapat dicapai seterusnya hala tuju pendidikan berkualiti di negara ini lebih realistik.

**Kata Kunci:**

Profesionalisme, Pengajaran, Kualiti

**Abstract:**

This study aims to identify the level and influence of professionalism on the quality of teaching among teachers Malay in primary schools located in PPD Tambunan, Keningau, Tenom, and Nabawan / Pensiangan Sabah. The quantitative study used a sample survey method approach to survey methods through the distribution of questionnaires to collect data on 217 samples. The instruments involved in the study are Teacher Professionalism and Teacher Teaching Quality (PABest). Data were analysed using SPSS version 27. The findings showed the level of both variables at a high level that each recorded mean score with a value of 4.00 ( $sp = .296$ ) and Teacher Teaching Quality, 4.15 ( $sp = .322$ ) and there was a strong positive linear relationship between professionalism with teacher's teaching quality that recorded values of ( $r = .561$ ) respectively. The findings also showed that professionalism has significantly explained 39.6 % of the variance in teacher quality. Therefore, this study concludes that the aspect of teacher professionalism is one of the important indicators in driving the effectiveness of knowledge delivery and in turn contributes to the quality of teacher teaching. Therefore, this study suggests that the aspect of professionalism should be made one of the priority elements in planning the country's educational framework so that the teaching quality of teachers can be cultivated and improved to ensure that the students' academic and non-academic fields can be achieved and more realistic.

**Keywords:**

Teacher Professionalism, teaching, quality

## Pengenalan

Transformasi bahasa Melayu klasik menjadi bahasa Melayu baharu merupakan perkembangan membanggakan atas kemampuannya sebagai wadah ilmu dan pembentuk akal fikiran sesebuah bangsa kearah memodenisasikan negara mencapai tamadun. Malah potensinya sebagai salah satu bahasa Moden berpengaruh dipertuturkan pada peringkat dunia (KPM, 2017), merupakan kebanggaan penutur jati di rantau nusantara ini. Bahkan prestasi lebih tinggi pasti dicapai sekiranya kecekapan pihak pelaksana pada peringkat akar umbi benar-benar kompeten. Justeru itu, keupayaan guru bukan opsyen yang mengajarkan subjek ini perlu diteliti memandangkan isu guru Bahasa Melayu bukan opsyen masih berlaku walaupun langkah pemerkasaan peluasan guru opsyen ke atas subjek ini telah dilaksanakan sejak pelaksanaan Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) pada tahun 2010 yang lalu (KPM, 2017). Justeru itu, keupayaan sangat penting dipertingkatkan ekoran daripada ujian kecekapan secara keseluruhan menunjukkan bahawa sebahagian besar iaitu 79 % guru bukan opsyen kurang berpotensi mengajar berbanding dengan guru yang sesuai mengajar (Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025; KPM, 2017). Keadaan meruncing apabila scenario

perkembangan orde baharu global mencabar peranannya sebagai bahasa kebangsaan dan perpaduan ke arah pembentukan sebuah negara bangsa (Mohamed dan Hassan, 2019).

Keterampilan dan kecekapan warga pendidik menjadi fokus utama dan harus menyedari hakikat ini dalam menggalas tanggung jawab hakiki mendidik dan mengajar anak didik untuk memastikan aspirasi pendidikan di negara ini dapat dicapai sepenuhnya. Gerak kerja golongan pendidik perlu dilihat dalam aspek kesediaan menggalas tanggungjawab tersebut dengan memastikan golongan guru telah dibekalkan dengan latihan dan kursus yang bersesuaian dan dapat melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) berkualiti di bilik darjah dalam melahirkan sumber modal insan kompeten dan berkualiti bukan sahaja menyumbang dalam pembangunan negara malahan berdaya saing di persada dunia.

Bertitik tolak daripada hakikat tersebut, kualiti menjadi fokus utama dalam rangka pembangunan pendidikan di negara ini. Kepentingan terhadap kecekapan profesionalisme guru bertepatan dengan usaha kerajaan meletakkan keutamaan aspek kualiti dalam rangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM, 2013), sebagai usaha memperkasa dan membudayakan kualiti ke atas semua dimensi dalam sistem pendidikan terutamanya terhadap tenaga pendidik iaitu guru. Peranan ini menjurus ke atas pelaksanaan pengajaran guru dalam kelas yang dilihat relevan mengukur sejauh mana keberkesanan proses PdP dengan melihat pada keupayaan pemerolehan ilmu pengetahuan dalam kalangan murid. Hal ini demikian kerana, kualiti dalam pelbagai dimensi sistem pendidikan tidak boleh melangkaui kualiti guru KPM (2013). Batjo dan Ambotang (2019), menjelaskan bahawa pengajaran guru berpengaruh ke atas kualiti pengajarannya. Justeru itu, Dewi Isma (2015), menegaskan bahawa profesionalisme guru merupakan gambaran sebagai cerminan terhadap kualiti guru yang menyerlahkan peningkatan kualiti pengajaran dan kualiti diri.

Literatur terdahulu masih kurang menjalankan penyelidikan mengenai hubungan profesionalisme dengan kualiti pengajaran guru khususnya di luar bandar Sabah. Lebih-lebih lagi ke atas kemahiran literasi awal subjek Bahasa Melayu iaitu tahap satu. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan memberi gambaran berdasarkan matlamat dan objektif seterusnya memberi sumbangan ke atas pihak yang berkenaan serta sebagai nilai tambah dapatan literatur terdahulu bagi menggambarkan aspek yang dikaji dalam usaha memantapkan kualiti pendidikan di negara ini.

### Sorotan Literatur

Sonia (2010), mendefinisikan profesionalisme guru sebagai individu yang professional, berupaya melakukan keputusan berkaitan kerjaya dan mempunyai komitmen ke atas kerjaya tersebut serta berkemampuan melaksanakan PdP yang memenuhi keperluan murid, memiliki kemahiran interaksi sosial dengan masyarakat sekeliling dan memiliki objektif yang jelas dalam membuat penetapan tinggi ke atas sasaran pencapaian anak didiknya. Hargreaves dan Goodson (2002), menambah bahawa pembentukan profesionalisme guru membolehkan pembentukan imej pendidik yang dapat mewujudkan hubungan baik antara guru dengan murid. Hassan dan Musa (2020), turut mendefinisikan profesionalisme sebagai keupayaan membuat perubahan, berpengetahuan dalam ilmu pedagogi dan subjek yang diajar. Manakala bagi Goliong et al. (2016), merujuk profesionalisme guru sebagai keupayaan melaksanakan tugas hakiki utama seperti membuat perancangan, melaksana, dan menilai proses serta hasil pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan dalam bilik darjah selaku pendidik. Justeru itu, Silberstein (1997), dalam Ezer et al. (2010); Masnan dan Radzi (2015) dan Nor et al.

(2017), menyatakan bahawa ilmu yang diperoleh oleh anak didik bergantung pada situasi proses pengajaran dan pembelajaran guru, kesesuaian Bahan Bantu Mengajar dan KBAT yang diamalkan dalam penyampaian pengajaran di bilik darjah.

Literatur lepas mengkaji profesionalisme guru dari pelbagai aspek antaranya integriti pentadbir dan kaitannya dengan integriti guru (Fadzil dan Wahab, 2020). Kajian Salmezi Mohamed (2013) dan Nawawi (2014), mengenai integriti pelaksanaan penilaian KSSR dan PBS. Manakala aspek pengkaedahan PdPc antaranya melalui kajian (Shaari, 2016), mengenai kesan pembelajaran masteri; (Aziz dan Andin, 2018), keberkesanan konsep pembelajaran kooperatif dalam meningkatkan KBAT; (Adam dan Hamdan, 2017), tentang tahap pelaksanaan, penguasaan dan keberkesanan pendekatan pengajaran secara berkumpulan dan (Ismail et al., 2018), berkaitan amalan KPP (Komuniti Pembelajaran Profesional) guru Bahasa Melayu. Profesionalisme guru merupakan tahap kecekapan dan kemahiran yang dimiliki melalui latihan asas yang dijalani sepanjang proses menjadi seorang pendidik. Ia juga merupakan kebertanggungjawaban tugas seorang guru dalam melaksanakan deskripsi tugas mendidik murid di sekolah.

Tokoh kualiti seperti Ishikawa (1984), Deming (1986), Juran (1960) dan Crosby et al. (1979), menakrifkan kualiti sebagai suatu kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan atau produk yang diperoleh. Blandford (2010), memperjelaskan bahawa kualiti merujuk pada apa sahaja yang disebut sebagai elemen atau komponen organisasi yang menjurus ke arah pencapaian objektif suatu tahap prestasi yang diperlukan oleh pelanggan. Ini bermakna jika dilihat dalam konteks pendidikan, kualiti merujuk pada kepuasan pelajar (Muhammad et al., 2019). Justeru itu, Stigler dan Hiebert (1999), menyatakan bahawa elemen utama dalam pendidikan adalah kualiti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Berdasarkan pada perbincangan takrifan, guru dirujuk sebagai penanggungjawab merealisasikan kepuasan pelajar melalui pengajaran yang berkualiti. Fullan (2009), merujuk kualiti pengajaran adalah ilmu perguruan yang diperoleh melalui kursus asas dalam perkhidmatan. Manakala LeTendre dan Wiseman (2015), merujuk kualiti sebagai keupayaan guru menghubung kait pengetahuan akademik yang dimiliki dengan ciri keterampilan guru serta persekitaran kerja bagi menghasilkan kualiti dalam pengajaran.

Kajian lepas meliputi pelbagai aspek bukan sahaja dalam pengkaedahan pengajaran guru, antaranya seperti dalam kajian (Mohamad dan Ismail 2018), iaitu menghubungkan kepimpinan strategik dengan kualiti pengajaran guru. Demikian juga melalui kajian (Biermann et al., 2015), yang mengaitkan pengalaman guru sebagai elemen meningkatkan produktiviti dan kualiti pengajaran guru. Namun sebahagian besar cenderung merujuk kualiti sebagai pengkaedahan dalam pengajaran guru. Berdasarkan kajian Raja Ismail dan Ismail (2018), mengenai kreativiti PdP guru melalui amalan kendiri pengaplikasian konsep PAK21, seterusnya (Slavin, 1994); (Mohamad dan Ismail, 2018); (Ramakrishnan dan Abd Hamid, 2020) dan (Ahmad dan Azman, 2020), semuanya merujuk pengukuran kualiti pengajaran berdasarkan empat aspek iaitu kualiti pengajaran guru, kesesuaian aras pengajaran, masa dan insentif. Sementara itu, Marzuki (1998), merujuk kualiti pengajaran sebagai keupayaan guru menyampaikan isi pelajaran atau kemahiran dalam bentuk yang mudah difahami oleh murid. Berdasarkan perbincangan ke atas literatur lepas, kualiti pengajaran lebih cenderung dirujuk sebagai pendekatan dan teknik guru dalam menyampaikan PdPc.

Kajian ini menggunakan Teori Trait@Tret dan Faktor oleh Frank Parsons (1909) sebagai sandaran andaian disokong melalui pernyataan Model Standard Guru Malaysia (SGM) (KPM, 2009), dalam menerangkan aspek profesionalisme. Andaian bahawa trait seseorang guru yang mempunyai pengetahuan tentang kecenderungan diri dan ilmu pelatihan kemahiran dalam pekerjaan serta kemampuan menghubungkan keduanya bagi pelaksanaan kerjaya sesuai dengan profesionalisme guru. Andaian teori ini disokong oleh pernyataan Model SGM profesionalisme guru yang seharusnya memiliki Standard Satu, iaitu Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan dan Standard Dua, Pengetahuan dan Kefahaman dalam konten pengajaran bagi menjelaskan aspek dapatan kajian.

Bagi kualiti pengajaran guru, pernyataan Model SKPMg2 Standard Empat, Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK): Pembelajaran dan Pemudahcaraan, (KPM, 2017) diaplikasikan sebagai sandaran menerangkan aspek kualiti ke atas pengkaedahan dan pendekatan guru menyampaikan proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah sebagai pemudah cara pembelajaran ke atas subjek Bahasa Melayu murid tahap satu. Iaitu meliputi proses kerja guru membuat persediaan dalam satu-satu sesi pengajaran dengan merancang, melaksana, mengawal, membimbang, mendorong sikap dan semangat murid untuk menjalani semua aktiviti sepanjang proses PdPc.

### **Objektif kajian**

Objektif kajian adalah seperti berikut:

- 2.1 Mengenal pasti tahap profesionalisme dan kualiti pengajaran guru Bahasa Melayu tahap satu.
- 2.2 Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara profesionalisme dengan kualiti pengajaran guru Bahasa Melayu tahap satu.
- 2.3 Mengenal pasti sama ada terdapat pengaruh profesionalisme terhadap kualiti pengajaran guru Bahasa Melayu tahap satu.

### **Metodologi**

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kuantitatif kaedah tinjauan menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data ke atas 217 guru bahasa Melayu tahap satu luar bandar di keempat-empat PPD iaitu PPD Tambunan, Keningau, Tenom dan Nabawan/Pensiangan, berdasarkan Jadual Penentuan Sampel Krejcie dan Morgan (1977) dengan teknik persampelan kelompok dan rawak mudah digunakan. Instrumen Profesionalisme guru (Goliong et al., 2016) dan instrument (PABest) (Wah, 2011) digunakan bagi mengukur kualiti pengajaran guru. Alat statistik SPSS digunakan bagi menganalisis data deskriptif dan inferensi.

### **Dapatan dan Perbincangan**

#### ***Demografi Responden (Jantina dan Opsyen)***

Jadual 1 menunjukkan taburan responden mengikut jantina dan opsyen guru. Didapati bahawa bilangan responden mengikut jantina adalah 27.6 peratus guru lelaki iaitu seramai 60 orang. Manakala 72.4 peratus guru perempuan iaitu seramai 157 orang yang terlibat dalam kajian ini. Senario kelebihan bilangan guru wanita yang ramai ini tidak dapat dielakkan dalam pemilihan kaedah pensampelan bertujuan dan rawak mudah dalam populasi kajian yang mempunyai responden guru wanita lebih ramai daripada guru lelaki. Bagi opsyen guru, secara perbandingan didapati bahawa komposisi responden mengikut opsyen adalah 41.5 peratus guru opsyen Bahasa Melayu iaitu seramai 90 orang. Manakala, terdapat 22.6 peratus guru opsyen

Bahasa Inggeris iaitu seramai 49 orang dan seramai 12.4 peratus orang guru iaitu 27 orang guru opsyen Matematik. Selain itu, terdapat 0.9 peratus atau 2 orang guru opsyen Pemulihan dan seramai 22.6 peratus iaitu 49 orang guru yang bukan opsyen sebagai sampel.

**Jadual 1: Taburan Responden mengikut Jantina dan Opsyen Guru**

Responden (Guru BM)	Opsyen Guru					Jumlah
	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Matematik	Pemulihan	Bukan Opsyen	
Lelaki	23 (10.6 %)	12 (5.5 %)	9 (4.1 %)	0 (0 %)	16 (7.4 %)	60 (27.6 %)
Perempuan	67 (30.9 %)	37 (17.1 %)	18 (8.3 %)	2 (0.9 %)	33 (15.2 %)	157 (72.4 %)
Jumlah	90 (41.5 %)	49 (22.6 %)	27 (12.4 %)	2 (0.9 %)	49 (22.6 %)	217 (100 %)

Berdasarkan dapatan ke atas demografi responden, menunjukkan keselarian dengan isu kekurangan guru opsyen Bahasa Melayu yang berlaku di negara ini apabila lebih separuh iaitu 58.5 peratus guru bukan opsyen mengajarkan subjek ini. Apa yang berlaku ialah pihak pentadbir melantik guru opsyen mata pelajaran lain bagi memenuhi kekosongan tersebut sebagai jalan penyelesaian semata-mata (Juliyyana Selamat, 2016). Hal ini jelas menunjukkan bahawa isi kandungan dan kemahiran tidak dapat disampaikan dengan berkesan apabila guru kurang kemahiran pedagogi khususnya teknik dan kaedah dalam mengajar subjek Bahasa Melayu. Ini kerana pengetahuan guru sekadar terhad ke atas perkara asas dan bukan mendalam (Haslina Hamzah et al., 2017). Kedaaan ini jelas memberi impak ke atas tahap penguasaan pemerolehan ilmu pengetahuan bahasa khususnya pencapaian prestasi murid yang pastinya akan terjejas. Oleh itu, mekanisme perlu dilaksanakan agar isu ini dapat ditangani, sekurang-kurangnya disusutkan bilangannya atau mentransformasikan kecekapan guru bukan opsyen ke tahap setanding dengan guru opsyen.

#### **Tahap Profesionalisme dan Kualiti Pengajaran Guru Bahasa Melayu Tahap Satu**

**Jadual 2: Dapatan Skor Min Profesionalisme dan Kualiti Pengajaran**

Pemboleh Ubah	Sub Skala Item	Min	SP	Interpretasi
Profesionalisme	Kecintaan profesion terhadap	4.02	.516	Tinggi
	Berketrampilan	3.96	.467	Tinggi
	Integriti	4.09	.401	Tinggi
	Teladan	3.93	.447	Tinggi
	Mengamalkan kerja berpasukan	4.08	.411	Tinggi
	Proaktif	4.00	.401	Tinggi
	Kreatif dan inovatif	3.96	.334	Tinggi
	Kefahaman falsafah-falsafah terhadap sebagai asas PdP	4.01	.386	Tinggi

	Kefahaman terhadap strategi-strategi pdp	3.95	.211	Tinggi
Kualiti Pengajaran Guru	Kenal diri	4.27	.39	Sangat tinggi
	Kesungguhan	4.18	.43	Tinggi
	Inovatif	4.04	.39	Tinggi
	Kaedah pengajaran	4.13	.25	Tinggi

Jadual 2 menunjukkan tahap min bagi dimensi profesionalisme dengan dimensi integriti memperoleh tahap tertinggi dalam kalangan dimensi iaitu ( $\text{min}=4.09$ ,  $\text{SP}=.401$ ). Diikuti aspek mengamalkan kerja berpasukan ( $\text{min}=4.08$ ,  $\text{sp}=.411$ ), kecintaan terhadap profesi ( $\text{min}=4.02$ ,  $\text{sp}=.516$ ), kefahaman terhadap falsafah-falsafah sebagai asas pdp ( $\text{min}=4.01$ ,  $\text{sp}=.386$ ), proaktif ( $\text{min}=4.00$ ,  $\text{sp}=.401$ ), kreatif dan inovatif ( $\text{min}=3.96$ ,  $\text{sp}=.334$ ), keterampilan ( $\text{min}=3.96$ ,  $\text{sp}=.467$ ), Kefahaman terhadap falsafah-falsafah sebagai asas pdp ( $\text{min}=4.01$ ,  $\text{sp}=.386$ ) dan teladan ( $\text{min}=3.93$ ,  $\text{sp}=.447$ ). Semua dimensi menunjukkan tahap tinggi. Ini bermakna, guru-guru Bahasa Melayu tahap satu luar bandar mengamalkan sikap profesional dalam kerjaya sebagai guru.

Demikian juga turut memperoleh dapatan tahap tinggi bagi dimensi pemboleh ubah kualiti pengajaran guru. Dimensi kenal diri mempunyai tahap Skor min sangat tinggi iaitu  $\text{min}=4.27$  ( $\text{sp}=.39$ ). Diikuti dimensi kesungguhan, yang mempunyai tahap skor min tinggi iaitu  $\text{min}=4.18$  ( $\text{sp}=.43$ ). Seterusnya dimensi kaedah pengajaran dan inovatif juga mempunyai tahap min tinggi iaitu masing-masing mencatat  $\text{min}=4.13$ , ( $\text{sp}=.25$ ) dan  $\text{min}=4.04$ , ( $\text{sp}=.39$ )

Berdasarkan persetujuan tertinggi diperoleh dalam dimensi integriti variable profesionalisme guru, menunjukkan bahawa guru Bahasa Melayu tahap satu luar bandar menjalankan tugas dengan jujur, ikhlas, memperlihatkan kesungguhan, tekal, tegas dan mematuhi peraturan seperti yang ditetapkan. Dimensi pengamalan kerja berpasukan adalah memperoleh tahap kedua tertinggi iaitu pendekatan pasukan kerja sebagai satu pasukan menggerakkan tenaga secara bersama, mewujudkan kesepakatan dalam membuat keputusan. Dimensi ketiga adalah dimensi kecintaan terhadap profesi, iaitu penghayatan dalam kalangan guru mengenai tanggungjawab kerjayanya yang dihubungkan dengan afektif atau emosi. Dimensi kefahaman terhadap falsafah-falsafah sebagai asas pdp merupakan dimensi memperoleh keempat tertinggi. Ini menunjukkan guru-guru memiliki kefahaman yang baik terhadap sebarang falsafah, konsep dan pendekatan dalam kaedah pdp. Kefahaman ini membolehkan guru melaksanakan pengajaran dengan lebih berkesan.

Seterusnya proaktif adalah sikap kesungguhan sentiasa ingin memajukan diri dan prestasi pencapaian anak didiknya dengan rajin berusaha mencari peluang baharu bagi meningkatkan pencapaian sekolah. Keterampilan merupakan standard guru yang memiliki amalan nilai profesi perguruan yang diserahkan melalui ciri luaran personaliti guru yang mudah dilihat, berkeyakinan, berfikiran positif, sopan, kemas dan mudah didekati. Di samping berfikiran positif melalui cara berfikir dan bertindak sesuai dengan imej penjawat awam. Kefahaman terhadap pelbagai strategi sebagai asas dalam pengajaran merujuk pada pengetahuan guru yang jelas mengenai pengkaedahan dan teknik ilmu pedagogi dalam menyampaikan PdPc. Manakala dimensi teladan menunjukkan tahap paling rendah memperoleh persetujuan namun masih pada tahap tinggi. Ini menunjukkan guru Bahasa Melayu tahap satu memamerkan sikap

dan tingkah laku yang bersesuaian dengan imej guru dan layak dicontohi, menyerlahkan ciri sebagai pemimpin pengajaran yang menjadi ikutan murid.

Dapatkan ini selari dengan Fadzil dan Wahab (2020), mengenai tahap tinggi integriti guru dan kaitannya dengan integriti pentadbir. Salmezi Mohamed (2013), tentang integriti guru dalam pelaksanaan penilaian berasaskan KSSR. Ismail et al. (2018), mengenai pembelajaran masteri; (Shaari, 2016), berkaitan kajian Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP); (Rohaida, 2017), tentang pengetahuan dan pemahaman guru Bahasa Melayu terhadap kajian pengajaran; Aziz dan Andin (2018), mengenai keberkesanannya konsep pembelajaran kooperatif dalam meningkatkan KBAT dan Adam dan Hamdan (2017), tentang tahap pelaksanaan, penguasaan dan keberkesanannya pendekatan pengajaran secara berkumpulan.

Bagi variable kualiti pengajaran guru, dimensi kenal diri merujuk pada kebolehan dan kepercayaan guru dalam mengawal disiplin murid ketika proses PdPc, keupayaan guru mengetahui kemampuan pengajaran, kawalan kelas, persediaan RPH dari segi bahan bantu mengajar dan sebagainya, bahawa guru mampu membawa kejayaan kepada anak didik. Kepercayaan dalam diri ini merujuk pada efikasi pengajaran yang percaya bahawa pengajarannya mencapai objektif. Dimensi kesungguhan ini yang turut mencapai tahap kedua tinggi dalam kalangan dimensi, ini merujuk pada sikap dedikasi guru mengajar di luar waktu persekolahan dalam kelas tambahan tanpa mengharapkan balasan. Teknik dan kaedah pengajaran guru bagi menyampaikan PdPc yang bersungguh-sungguh, bersesuaian dengan tahap kebolehan murid tahap satu, sentiasa mencari amalan pedagogi yang berkesan demi kejayaan murid-murid. Dalam dimensi ini juga sebahagian besar guru mengamalkan teknik mencungkil jawapan daripada murid bagi mewujudkan percambahan idea dan menggalakkan proses berfikir murid.

Kaedah pengajaran merujuk pada pelbagai teknik dalam pemudah caraan pengajaran guru yang diamalkan dalam kelas. Dimensi ini mendapat persetujuan ketiga tertinggi secara keseluruhan bagi pernyataan kualiti pengajaran iaitu, sikap proaktif guru yang sentiasa mencari pendekatan dan kaedah pengajaran yang berkesan bagi membantu anak didiknya. Pengamalan pelbagai teknik dan aktiviti di kelas termasuk penggunaan alat teknologi dalam PdPc, teknik-teknik penyoalan berdasarkan Taksonomi Bloom, penggunaan bahasa yang mudah difahami murid dalam komunikasi bilik darjah. Akhir sekali dimensi inovatif terendah mencatatkan aras persetujuan, namun masih pada tahap tinggi dalam variable kualiti pengajaran guru. Inovatif merupakan sikap guru yang sentiasa optimis dalam mempelbagaikan kaedah dan teknik dalam pengajarannya.

Bagi dapatan tahap tinggi kualiti pengajaran guru, kajian ini selari dengan dapatan Wah (2011), Hushaini (2020), mengenai inovatif guru dalam kaedah PdPc terkini iaitu ATP (Amalan Terbaik Pengajaran), Jamian et al. (2016), berkenaan penggunaan multimedia interaktif terhadap kemahiran membaca dalam kalangan murid-murid. Demikian juga dalam dapatan (Atan dan Badusah, 2016), menunjukkan maklum balas guru yang sangat positif dalam penggunaan *Google Plus*. Selaras dengan Ali (2019), mengenai tahap tinggi dalam kaedah inovatif pengajaran guru. Raja Ismail dan Ismail (2018), juga turut memperoleh tahap tinggi pengetahuan dan pemahaman Konsep 4C (Komunikasi, Kolaborasi, Pemikiran Kritis dan Kreativiti) manakala sederhana dalam aspek kreativiti dan pemikiran kritis dalam kalangan guru pelatih.

### ***Hubungan Profesionalisme dengan Kualiti Pengajaran Guru***

Jadual 3 di bawah menunjukkan bahawa terdapat hubungan linear positif yang kuat dan signifikan ( $r = .561^{**}$ ,  $p=0.00$ ) antara profesionalisme dengan kualiti pengajaran guru. Ini menunjukkan semakin tinggi tahap profesionalisme guru, maka semakin tinggi tahap kualiti pengajaran guru. Jelasnya, hubungan ini adalah hubungan linear positif yang kuat dan signifikan. Semakin tinggi tahap profesionalisme guru, maka semakin tinggi tahap kualiti pengajaran guru Oleh yang demikian, hipotesis nul adalah ditolak.

**Jadual 3: Hubungan Profesionalisme Dengan Kualiti Pengajaran Guru**

	Nilai Korelasi	Kualiti Pengajaran Guru
Profesionalisme	R	.561 **
	Sig.	.000
	N	217

Dapatkan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan pada aras yang kuat. Hal ini menjelaskan semakin tinggi tahap profesionalisme guru, maka semakin tinggi tahap kualiti pengajaran guru dalam kalangan guru Bahasa Melayu tahap satu luar bandar. Justeru itu aspek profesionalisme guru adalah faktor dalam pendidikan yang perlu diteliti dan diberi input kemahiran secara berterusan kerana impaknya ke atas kualiti pengajaran amat diperlukan bagi memacu kecemerlangan murid dalam bidang akademik dan sahsiah.

Dapatkan ini selari dengan (Batjo dan Ambotang, 2019), dalam kajian mengaitkan hubungan profesionalisme dengan kualiti pengajaran guru, iaitu amalan pengajaran guru dikaitkan dengan kualiti pengajaran guru. Demikian juga dengan hubungan tidak langsung tahap profesionalisme yang tinggi melahirkan prestasi pencapaian akademik yang tinggi melalui pengajaran guru yang berkualiti. Selari dengan dapatan Saad et al. (2017), mengenai tahap kompetensi fungsional profesionalisme dalam pengetahuan dan kemahiran memberi impak terhadap pencapaian akademik pelajar. Demikian juga Goliong et al. (2016), turut mendapati hubungan tidak langsung ini yang memberi kesan ke atas pencapaian akademik melalui pengajaran guru yang berkualiti. Demikian melalui dapatan Yam (2015), mengenai pembangunan profesional dalam peningkatan inovasi pedagogi khususnya kualiti pendidikan. Penekanan ke atas dapatan (Yam, 2015), terhadap identiti guru seperti sikap ingin mengetahui, tindakan melaksana dan menilai keberkesanannya adalah perkara penting sebagai usaha refleksi kendiri untuk inovasi pedagogi seterusnya kualiti pengajaran yang disampaikan. Ismail (2013), turut memperoleh dapatan iaitu terdapatnya hubungan amalan profesionalisme guru pembimbing dengan kualiti guru pelatih.

### ***Pengaruh Profesionalisme Terhadap Kualiti Pengajaran Guru***

**Jadual 4 (a): Ringkasan Model Regresi**

Model	R	R Square	Adjusted Square	R Estimate	Std. Error of the Estimate
1	.654 <sup>a</sup>	.427	.402	.24948	

**Jadual 4 (b) : Anova**

Model	Sum of Squares	Df	Mean Square	F	Sig.
-------	----------------	----	-------------	---	------

1	Regression	9.611	9	1.068	17.157	.000 <sup>a</sup>
	Residual	12.884	207	.062		
	Total	22.495	216			

Jadual 4 (a) Ringkasan Model Regresi dan Jadual 4 (b) Anova menunjukkan profesionalisme secara signifikan telah menjelaskan sebanyak 42.7% (.427) daripada varians dalam kualiti guru [ $F(9,1.068=17.157, p<.05)$ . Bermaksud, profesionalisme boleh menyebabkan perubahan pada kualiti guru pada kadar 42.7%. Peratusan selebihnya dipengaruhi oleh aspek lain yang tidak terdapat dalam kajian ini. Dapatkan ini menunjukkan bahawa profesionalisme guru secara signifikan mempengaruhi kualiti pengajarannya.

Dapatkan kajian ini selari dengan Batjo dan Ambotang (2019), bahawa proses pengajaran guru mempengaruhi kualiti pengajarannya. Turut selari dengan daptan iaitu, wujudnya pengaruh kemampuan menggunakan KOMSAS terhadap kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu (Ahmad, 2017). Kartini (2017), tentang kreativiti yang ada pada guru menjadi faktor penyumbang ke atas meningkatnya kreativiti pelajar. Sikap proaktif, kreatif dan inovatif seterusnya menyumbang terhadap pencapaian prestasi pelajar (Saad, et al., 2017). Bierman (2015), menunjukkan bahawa faktor personaliti merupakan salah satu peramal tunggal bagi kemahiran mengajar guru seterusnya kualiti pengajaran. Antara lain aspek yang dikaitkan dengan personaliti guru ialah ciri-ciri kepimpinan pengajaran sebagai faktor peramal ke atas kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Arumugam (2014), menyokong bahawa kapasiti kepimpinan pengajaran guru mempunyai pengaruh ke atas komitmen kualiti pengajaran.

Dari sudut pemakaian teori dan model sebagai andaian mendasari kajian ini, daptan menunjukkan kesesuaian dan sekaligus dapat mengesahkan Teori Frank Parsons (1909), bahawa keseuaian trait iaitu ciri profesionalisme guru dengan faktor kemahiran dan latihan kerjayanya sebagai seorang pendidik yang memiliki kemahiran professional membolehkan melaksanakan tugas yang berkualiti. Disokong melalui penyataan dalam Model SGM (2009) dan Model SKPMg2: Standard Empat (JNJK; KPM, 2017), yang turut memperkuuhkan penyataan model ini akan amalan nilai profesionalisme keguruan dan tugas perancangan, pengajaran, pemudahcaraan dan penilaian guru dalam penyampaian proses PdPc di kelas.

Secara keseluruhan, dapat dirumuskan bahawa kajian ini memberi sumbangan nilai tambah ke atas daptan kajian terdahulu berkenaan aspek yang menjadi focus dalam kajian. Justeru itu, secara tidak langsung merintis jalan kepada pengkaji terkemudian dalam membuat penelitian berkenaan aspek profesionalisme dan kualiti pengajaran guru secara lebih mendalam dan mengenal pasti kehadiran faktor lain yang mempengaruhi kualiti pengajaran guru. Kajian juga dapat memberikan gambaran maklumat umum kepada pihak KPM dalam usaha merangka dan menambah baik program dan pelan pembangunan pendidikan di negara ini, khususnya ke atas tenaga pelaksana dasar KPM iaitu warga guru sebagai pangmal pendidikan.

### Kesimpulan

Dalam pada melaksanakan gerak kerja menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid, seiringan dengan itu warga guru perlu meningkatkan tahap kemahiran profesionalisme dari masa ke semasa selari dengan kehendak pembangunan sistem pendidikan global yang sentiasa bergerak ke hadapan bagi memenuhi matlamat pendidikan berkualiti bertaraf dunia.

Tanggungjawab meningkatkan tahap kemahiran profesional dapat memudahkan guru menterjemahkan ilmu pengetahuan dalam bentuk yang lebih mudah difahami oleh murid.

Meningkatkan profesionalisme hendaklah lebih berfokus dan praktikal berdasarkan pada bidang pengkhususan guru. Hal ini bagi mengelakkan pembaziran masa dan tenaga serta bagi memastikan latihan dan kemahiran yang disampaikan lebih objektif dan sesuai dipraktikkan khususnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti dalam kelas supaya wasilah perealisasian budaya berkualiti dalam sistem pendidikan di negara ini dapat dicapai.

## Rujukan

- Adam, M. A., & Hamdan, A. R. (2017). Pendekatan Pengajaran Secara Berkumpulan Dalam Program Pemulihian Khas Bahasa Melayu (Group Teaching Approach In The Malay Language Special Remedial Program). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 66-73.
- Ahmad, N. L., & Azman, N. A. H. (2020). Tahap Amalan Pengajaran Berkesan Guru Prinsip Perakaunan Berasaskan Model Slavin. *Malaysian Journal of Education* (0126-6020), 45(1).
- Ahmad, R. (2017). Keupayaan Menggunakan Komsas Sebagai Kompetensi Pengajaran Guru Bahasa Melayu (Efficacy To Use Literature Element (Komsas) As The Teaching Competence For Malay Language Teachers). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2), 65-76
- Aramugam, T. (2014). *Pengaruh Moderasi Kapasiti Kepimpinan Diri Guru Terhadap Hubungan Antara Organisasi Pembelajaran Dengan Komitmen Kualiti Pengajaran Guru Di Sekolah Berprestasi Tinggi Di Malaysia* (Doctoral Dissertation, Universiti Sains Malaysia).
- AzIz, A., & Andin, C. (2018). Penggunaan Strategi Pembelajaran Koperatif untuk Meningkatkan Tahap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Pelajar (The Use of Cooperative Learning Strategies to Improve Students' Higher Order Thinking Skills). *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 43(1), 19.
- Batjo, N., & Ambotang, A. S. (2019). Pengaruh Pengajaran Guru Terhadap Kualiti Pengajaran Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(2), 30-42.
- Biermann, A., Karbach, J., Spinath, F. M., & Brünken, R. (2015). Investigating effects of the quality of field experiences and personality on perceived teaching skills in German pre-service teachers for secondary schools. *Teaching and Teacher Education*, 51, 7787. <http://doi.org/10.1016/j.tate.2015.06.005>.
- Crosby, P. B., & Free, Q. I. (1979). The art of making quality certain. *New York: New American Library*, 17, 174-83.
- Deming, W. E. (1986). Out of the crisis: Quality. *Productivity and Competitive Position, Massachusetts, USA*.
- Dewi Isma Madzlan. (2015). Program Pembangunan Profesionalisme Guru, Faktor Stress Kerja Terhadap Efikasi Guru-guru Sekolah Menengah Di Sabah. *Unpublished doctoral dissertation, Universiti Malaysia Sabah*.
- Ezer, H., Gilat, I., & Sagee, R. (2010). Perception of teacher education and professional identity among novice teachers. *European Journal of Teacher Education*, 33 (4), 391–404.

- Fadzil, N. F., & Wahab, J. L. A. (2020). Kepimpinan Demokratik Pengetua Dan Integriti Guru Di Sekolah-Sekolah Menengah Zon Semenyih. *International Journal Of Education And Pedagogy*, 2(3), 89-101.
- Fullan, M. (Ed.). (2009). *The challenge of change: Start school improvement now!*. Corwin Press.
- Goliong, L., Abdullah, M. K., & Talin, R. (2016). Kompetensi peribadi, pedagogi, profesionalisme guru sekolah berprestasi rendah bahagian barat dan utara Sabah.
- Hargreaves, A., & Goodson, I. (2002). Teachers' professional lives: Aspirations and actualities. In *Teachers' professional lives* (pp. 9-35). Routledge.
- Haslina binti Hamzah, Noor Shamshinar Zakaria, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Julia binti Madzalan & Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi. (2017). Seminar Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan (ISPEN2017) II eISBN 978-967-2122-24—1.
- Hassan, M. A. A., & Musa, K. (2020). Tahap profesionalisme guru sekolah kebangsaan di Semenanjung Malaysia. *Management Research Journal*, 9(2), 37-45.
- Ishikawa, K. (1984). *Quality control circles at work: cases from Japan's manufacturing and service sectors: with special contribution*. Asian Productivity Organization.
- Ismail, S. N., Abdullah, Z., Othman, A. J., & Shafie, S. (2018). Amalan Komuniti Pembelajaran profesional dalam kalangan guru Bahasa Melayu di Selangor. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(4), 1-19.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Dokumen Awal Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan*. BPG. KPM. Putrajaya, Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016– 2025. 2017*. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. Nombor Isbn 978 - 983 - 9425 - 23 – 9.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Laporan Awal & Ringkasan Eksekutif*. Putrajaya, Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia*. Putrajaya. Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2017. *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2)*. Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti. Percetakan Pro Dinasti Sdn. Bhd. Putrajaya. Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Pemetaan SKPMg2*. Majlis Guru Besar. Putrajaya. Kuala Lumpur.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. . (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607–610.
- LeTendre, G.K. and Wiseman, A.W. (2015). "Introduction: The Challenges of Teacher Effectiveness and Quality Worldwide", *Promoting and Sustaining a Quality Teacher Workforce (International Perspectives on Education and Society*, Vol. 27), Emerald Group Publishing Limited, pp. 138.  
<https://doi.org.ezproxy.ums.edu.my/10.1108/S1479367920140000027001>
- Masnan, A. H., & Radzi, N. M. M. (2015). Pengetahuan persediaan pengajaran guru prasekolah baru. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 4, 90-108.
- Mohamed, N. A. and Hassan, N. A. (2019) "Pengukuhan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Perpaduan di Institusi Pengajian Tinggi Swasta", *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(4), pp. 19 - 28. doi:  
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v4i4.227>.

- Mohamed, S. (2013). *Integriti Guru Dalam Penilaian Murid Berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Di Taman Universiti, Johor Bahru* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Mohamad, F., & Ismail, S. N. (2018). Kepimpinan Strategik Dan Hubungannya Dengan Kualiti Pengajaran Guru. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(2), 14-25.
- Muhammad, M., Talip, R., & Taat, M. S. (2019). Pengaruh Kualiti Pengajaran Dan Pembelajaran Terhadap Kepuasan Belajar Pelajar Kolej-Kolej Swasta Di Sabah. *Jurnal Ilmi*, 9(1), 102-119.
- Nawawi, N. S. B. M. (2014). Integriti Guru Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Di Sekolah Rendah Luar Bandar Kulaijaya. Tesis Master, UTM.
- Nor, M. N. A. M., Kamarudin, N., Manaf, U. K. A., & Puad, M. H. M. (2017). Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) Sekolah Rendah. *International Journal of Education and Training (InjET)*, 3(2), 1-7.
- Parsons, F. (1909). *Choosing a Vocation*. Boston, London. Gay and Handcock. Ltd. <https://archive.org/details/choosingvocation00parsuoft/>
- Ramakrishnan, K., & Abd Hamid, A. H. (2020). Kepimpinan Strategik Dan Hubungannya Dengan Kualiti Pengajaran Guru Di Sekolah Kluster Tamil Daerah Pasir Gudang. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(2), 57-64.
- Raja Ismail, R. A., & Ismail, D. (2018). Aplikasi ‘Konsep 4c’ Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Guru Pelatih Pengajian Agama Institut Pendidikan Guru Kampus Dato’ Razali Ismail. *Asian People Journal (Apj)*, 1(1), 45-65.
- Shaari, A. S. (2016). Kesan pendekatan pembelajaran masteri terhadap pencapaian kemahiran membaca bahasa Melayu murid pemulihan sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2), 93-103.
- Slavin, R. E. (1994). Quality, appropriateness, incentive, and time: A model of instructional effectiveness. *International Journal of Educational Research*, 21(2), 141-157.
- Sonia Blandford. (2010). Mengurus Pembangunan Profesional di Sekolah. Institut Terjemahan Negara Malaysia. Kuala Lumpur.
- Wah, H. C. (2011). *Pengaruh Kepimpinan Pengajaran Pengetua dan Kualiti Pengajaran Guru Terhadap Disiplin Pembelajaran Pelajar di Sekolah-sekolah Menengah Mubaligh Kristian di Sabah*. Tesis PhD. Universiti Malaysia Sabah.